

IMODIUM CAPSULE®

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Loperamide Hydrochloride (2mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan IMODIUM®
2. Bagaimana IMODIUM® berfungsi
3. Sebelum menggunakan IMODIUM®
4. Cara menggunakan IMODIUM®
5. Semasa menggunakan IMODIUM®
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan IMODIUM®
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan IMODIUM®

IMODIUM® digunakan untuk cirit-birit. Anda mungkin juga diberikan IMODIUM® untuk mengurangkan jumlah najis dan kekerapan cirit-birit apabila sebahagian daripada usus anda dikeluarkan (semasa pembedahan) kerana keadaan ini sering menyebabkan cirit-birit.

Bagaimana IMODIUM® berfungsi

IMODIUM® menjadikan najis lebih pejal dan cirit-birit kurang kerap dengan mengurangkan pergerakan otot usus dan meningkatkan masa makanan berada di saluran gastrousus.

Sebelum menggunakan IMODIUM®

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jika terdapat darah pada najis anda atau suhu badan anda tinggi.
- Jika anda mengalami keradangan pada usus kecil dan/atau besar.
- Jika doktor anda memberitahu anda bahawa keadaan memperlambatkan pergerakan usus harus dielakkan, contohnya, jika anda sembelit atau perut anda kembung.
- Jika anda mengalami hipersensitiviti (alahan) terhadap loperamide hydrochloride atau bahan-bahan lain yang terkandung dalam ubat ini.
- Tidak disarankan untuk kanak-kanak di bawah 6 tahun.

Mengandung dan menyusukan anak

Jika anda mengandung atau anda mengesyaki anda mungkin mengandung, beritahu doktor anda untuk menentukan sama ada anda boleh mengambil IMODIUM®.

- Sebelum menggunakan IMODIUM®

- Beritahu doktor anda sekiranya anda mengalami alahan terhadap ubat-ubatan, makanan, bahan pengawet atau bahan pewarna lain.
- Cecair dan elektrolit yang sesuai perlu diambil untuk mencegah daripada mengalami dehidrasi dalam semua kes cirit-birit, terutamanya pada kanak-kanak.
- Jika keadaan cirit-birit akut tidak bertambah baik dalam 48 jam atau jika anda mempunyai masalah hati, jangan mengambil ubat lagi dan bincang dengan doktor.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubat berikut:

- Ritonavir (untuk merawat *Human Immunodeficiency Virus (HIV)*)
- Quinidine (untuk merawat denyutan jantung tidak normal)
- Desmopression (oral)(untuk merawat kencing berlebihan)
- Itraconazole atau ketoconazole (untuk merawat jangkitan kulat)
- Gemfibrozil (untuk merendahkan kolesterol)

Jika ada keraguan, sila hubungi doktor atau ahli farmasi anda. Beritahu doktor anda jika anda mengambil ubat-ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai menjual makanan kesihatan.

Cara menggunakan IMODIUM®

- Berapa banyak harus digunakan

Jumlah IMODIUM® yang anda perlu ambil bergantung pada umur dan jenis cirit-birit yang anda alami.

IMODIUM® harus ditelan dengan air.

Dewasa (termasuk golongan tua)

Cirit-birit akut (tiba-tiba berlaku): Ambil 2 kapsul diikuti dengan 1 kapsul selepas setiap kali cirit-birit.

Cirit-birit berpanjangan: Ambil 2 kapsul kemudian dos disesuaikan sehingga mendapat 1-2 kali najis yang padat dalam sehari. Dos yang sesuai harus dibincang dengan doktor anda.

Jangan mengambil lebih daripada 8 kapsul dalam masa 24 jam.

Kanak-kanak berumur 6 tahun ke atas
Cirit-birit akut (tiba-tiba berlaku): Ambil 1 kapsul diikuti dengan 1 kapsul selepas setiap kali cirit-birit.

Cirit-birit berpanjangan: Ambil 2 kapsul kemudian dos disesuaikan sehingga mendapat 1-2 kali najis yang padat dalam sehari. Dos yang sesuai haruslah dibincang dengan doktor anda.

Jangan memberi lebih daripada dos maksima yang disarankan dan untuk setiap kilogram berat anak anda (3kapsul/20kg) serta jangan melebihi 8 kapsul dalam 1 hari.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan IMODIUM® untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

- Jika mengambil secara berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil IMODIUM® secara berlebihan, hubungi doktor, terutamanya jika anda mengalami simptom-simptom berikut:

- kekejangan otot,
- pergerakan tidak selaras,
- mengantuk,
- kesukaran untuk membuang air kencing,
- kesukaran bernafas,
- perubahan degupan jantung seperti peningkatan kadar denyutan jantung and irama jantung yang tidak teratur (simptom-simptom ini berpotensi mengakibatkan situasi yang serius dan mengancam nyawa)

Kesan terlebih dos IMODIUM® terhadap kanak-kanak lebih ketara berbanding dengan dewasa. Jika kanak-kanak terlebih dos atau mengalami mana-mana gejala di atas, hubungi doktor dengan segera.

Semasa menggunakan IMODIUM®

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan IMODIUM®.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi IMODIUM® kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera
Cirit-birit boleh mengakibatkan keletihan, pening, atau mengantuk. Oleh itu, adalah dinasihatkan supaya berhati-hati ketika memandu atau mengendalikan jentera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, IMODIUM® boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Berhenti mengambil IMODIUM® dan beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengalami atau mengesyaki mana-mana yang berikut. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

- Muka, bibir atau tekak menjadi bengkak secara tiba-tiba, kesesakan nafas, geligata (ruam netel), iritasi yang teruk, kulit menjadi merah dan melepuh. Inimungkin tanda-tanda hipersensitiviti atau reaksi alahan yang teruk
- Keletihan yang teruk, tidak dapat mengawal koordinasi pergerakan, tidak sadar diri.
- Sakit perut yang teruk, kembung atau perut bengkak atau demam yang mungkin disebabkan oleh usus tersumbat atau membesar.
- Tidak diketahui (kekerapan tidak boleh dianggarkan daripada data yang tersedia): Sakit perut bahagian atas, sakit perut yang pankreas menjalar ke

belakang, kelembutan apabila menyentuh perut, demam, nadi cepat, loya, muntah, yang mungkin merupakan gejala keradangan pankreas (*acute pancreatitis*)

Beritahu doktor anda jika anda mengalami kesan sampingan berikut semasa mengambil IMODIUM®:

- Mulut kering, senak, sakit perut, perut tidak selesa atau kembung, loya, muntah, angin, sembelit.
- Sakit kepala, pening, penat.
- Ruam.
- Kesukaran untuk membuang air kencing.
- Anak mata mengecil.

Jika mana-mana kesan sampingan menjadi teruk, atau anda mengalami sebarang kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan laman web npa.gov.my [*Consumer → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan IMODIUM®

- Penyimpanan

Jangan guna IMODIUM® selepas tarikh luput, walaupun ubat disimpan dengan baik.

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 30°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Serbuk putih dalam kapsul berwarna hijau dan hijau gelap legap.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Loperamide hydrochloride

-Bahan tidak aktif

Talc, Magnesium Stearate, Maize Starch, Lactose Monohydrate.

- Nombor MAL

MAL19871473ARZ

Pengilang

JNTL Consumer Health (France) SAS
Domaine de Maigremont,
27100 Val de Reuil, France.

Pemegang Pendaftaran Produk

JNTL (Malaysia) Sdn.Bhd.
Lot 3 & 5, Jalan Tandang,
46050 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP

05/12/2023

Nombor Siri:

NPRA (R1/4) 26022024/037

